

Bela nasib kakitangan universiti

► Gakum perlu kerjasama pengurusan universiti awam

LABUAN: Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Awam Malaysia (Gakum) memerlukan kerjasama yang padu daripada pengurusan universiti awam untuk membolehkan kakitangannya mendapat pembelaan sewajarnya. Presidennya Ku Azmi Ku Ibrahim berkata kemanjapan kesatuan kakitangan am di universiti awam membolehkan kakitangannya mendapat insentif termasuk dari segi perjawatan, kebajikan dan hak-hak sebagai penjawat awam di negara ini.

Beliau melancarkan penghargaan dan terima kasih Gakum kepada Pengarah

KONVENSYEN KE-135 BERSEKUTUAN
"Moving Forward For Excellent Future"
Gakum



IDRIS Jusoh (empat kiri) melancarkan buku Suara Perjuangan Omar (empat kanan) sambil diperlihatkan Ku Azmi (tiga kanan) dan Mohamad Kamal (dua kiri).



NO'MAN (kanan) menerima cenderamata daripada Ku Azmi, sambil diperlihatkan Azeema (tengah).


Akept yang sudi bekerjasama menjalankan program ini kepada kumpulan pelaksana universiti awam bagi berkongsi ilmu.

Katanya semua peserta rasa bertaah kerana telah diberi peluang menikmati kemudahan di Akept yang berprestij dan bertaraf Jusa disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Ia merupakan kumpulan pelaksana pertama yang mendapat peluang menikmati.

"Peluang ini tidak sepatutnya dilepaskan oleh kumpulan pelaksana dan ruang ini adalah langkah yang terbaik untuk perkongsian sumber, jika dilihat di peringkat jabatan Perkhidmatan Awam yang menjadi platform Majlis Bersama Kebangsaan yang mewakili pekerja kumpulan pelaksana berkongsi kemudahan di Intan Bukit Kiara yang merupakan pusat latihan peringkat Jusa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam dan Majlis Penutupan Konvensyen Kepimpinan Perdana kali ketiga di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (Akept), Nilai, Negeri Sembilan. Ku Azmi berkata kumpulan pelaksana di semua universiti awam adalah berjumlah 44,591 orang, akademik 31,937 orang dan pentadbir lebih kurang 10,000 orang.

Pada majlis itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana kumpulan pelaksana seramai 60,000 telah menikmati gaji permulaan



MOHAMAD Kamal (tiga kiri) bersama pemimpin Gakum. Turut kelihatan Ku Azmi (empat kanan), Zulkiffi (kanan) dan Amat Jutrah (dua kiri).



NO'MAN (kanan) bersama Nazeema menjadi panel forum Konvensyen Gakum yang diadakan di Akept.

terendah pada bulan Julai yang lalu. Katanya, seramai 406,000 pejawat awam telah menikmati rasionalisasi skim perkhidmatan yang telah diumumkan oleh kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion. Pada konvensyen itu, katanya, peserta kumpulan pengurusan dan profesional yang turut serta bersama kita, terima kasih diucapkan. Di universiti terdapat empat kumpulan iaitu akademik, pentadbir, pelaksana dan pelajar.

"Sesungguhnya, pada malam ini kita berasa cukup bertaah kerana Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama Gakum telah berjaya menghasilkan sebuah buku bertajuk 'Suara Perjuangan' untuk diabadikan atas usaha perjuangan Datuk Omar Osman mantan presiden Cuepacs.

"Perjuangannya dalam menjaga kebijakan penjawat awam seluruh negara telah memberi manfaat sebanyak 33 pekeliling, dan pelbagai

kemudahan telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia. Paling bertaah kerana semua pegawai pengurusan dan profesional adalah lulusan universiti awam bagi memudahkan kita mendapat bantuan dalam apa sahaja dan di mana-mana kementerian, jabatan dan pusat di bawah kerajaan dan badan berkanun," katanya.

Ku Azmi mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan Tinggi, pengarah dan semua staf Akept, barisan pemimpin Gakum dan AJK Pelaksana Konvensyen Kepimpinan Perdana yang telah menjayakan konvensyen itu. "Tahniah kepada UMS kerana paling ramai menghantar peserta termasuk dari Kampus Antarabangsa Labuan dan Pendaftar UMS turut sertamengambil bahagian sebagai panel forum.

"Juga ucapan tahniah atas program *Fit and Cool* yang telah dilancarkan oleh Idris Jusoh yang permulaannya di Kementerian Pendidikan Tinggi, dan moga-moga program ini akan menjadi ikutan di semua universiti

awam," katanya. Seramai 135 orang telah menyertai Konvensyen Kepimpinan Perdana kali ketiga di Akept Nilai, Negeri Sembilan pada 8 hingga 11 Ogos. Mereka terdiri daripada pegawai dan kakitangan sokongan daripada 20 universiti awam di seluruh negara termasuk 11 kakitangan UMS yang merupakan peserta paling ramai menyertai konvensyen pada tahun ini. Majlis perasmian konvensyen empat hari itu disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zaimal yang mewakili Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Manakala Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh menyempurnakan majlis penutupan di Dewan Utama Akept. Pada majlis itu, Idris turut melancarkan buku Suara



IDRIS Jusoh dan Omar Osman menunjukkan buku Suara Perjuangan sambil diperlihatkan Ku Azmi (kanan) dan Nazeema Mohamad Yusof (dua kanan).

Jutrah Haji Musneh. Konvensyen itu dianjurkan Gakum dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Akept, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSD) Tanjong Malim Perak dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Zabidi turut menyampaikan ucapan bertajuk 'Cabaran Perkhidmatan Awam: Menjelang 2020' pada konvensyen yang bertemakan *Moving Forward For Excellent*. Ucapannya kedua 'Kecejahteraan Psikologi Untuk Keceklerlangan' disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Pengurusan Psikologi JPA. Dr


menyampaikan ucapan kepada 'Pendidikan Fleksibel Transformasi Pentadbiran Universiti Awam'. Turut disampaikan uapntakelima yang bertajuk 'Budaya Kerja Institusi Ilmu Universiti Swasta'. Empat kertas kerja turut dibentangkan oleh wakil universiti awam yang masing-masing bertajuk Pelan Penggantian, Penggunaan Teknologi Pentadbiran, Menguruskan Jurang Dalam Pekerjaan dan Hubungan Majikan Pekerja. Lembaga Penasihat Akept Prof Tan Sri Zulkiffi Abdul Razak menyampaikan ucapan bertajuk 'Inovasi Hari Ini Untuk Hari Esok'. Ku Azmi selaku pengarah membentangkan rumusan sambil berharap semua pemimpin kesatuan di universiti awam akan terus melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk manfaat kakitangan dan ahli kesatuan khususnya. Sementara itu, Amat Jutrah mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang mewakili universiti masing-masing kerana mengambil bahagian secara aktif sepanjang sesi pembentangan ucapan dan kertas kerja di seminar itu. Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana No'man kerana telah diberikan kepercayaan untuk bersama dalam sesi forum di konvensyen empat hari itu.



AHLI Kesatuan Kakitangan Am dari UMS gembira dapat bergambar bersama Idris Jusoh.

Perjuangan yang memaparkan perjuangan mantan Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman yang juga mantan presiden Gakum. Semua pemimpin kanan Gakum dan peserta seminar tersenyum gembira selepas Idris Jusoh mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM20,000 untuk mengisytiharkan Tabung Gakum bagi mengadakan lagi ilmu untuk *Soaring Upwards* demi kecemerlangan pendidikan tinggi negara. Turut hadir di majlis penutupan itu ialah Pengarah Akept Prof Dr Mohamad Kamal Haji Harun, Timbalan Pengarah Akept Prof Madya Dr Zafir Khan Mohamad Makhbul, Timbalan Presiden Gakum I Haji Zulkiffi Mohamad dan Timbalan Presiden Gakum II Amat

Azura Hamdan yang mewakili Pengarahnya Dato' Dr Abdul Halim Mohd Husin. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, jabatan Pendidikan Tinggi Dato' Prof Dr Asma Ismail menyampaikan ucapan bertajuk 'Autonomi dan Pakej Keselamatan Pekerja'. Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad dan Presiden Kesatuan Pegawai Am UPSI Nazeema Mohamad Yusof menjadi ahli panel forum yang bertajuk 'Transformasi Penyempurnaan dan Kecekapan'. Mohamad Kamal menyampaikan ucapan bertajuk 'Amalan Keserakan Terbaik Dalam Pentadbiran Universiti' manakala Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali



KU Azmi merakam kenangan bersama peserta Konvensyen Kepimpinan Perdana di Akept.



PEMERINTAH dari 20 universiti awam mendengar dengan tekun pembentangan kertas kerja tokoh ilmu negara.